

11.3.2020

KENYATAAN MEDIA
oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

AMARAN SITUASI AIR PULAU PINANG 4 2020: PERMINTAAN AIR TINGGI KETIKA PBAPP LAKSANAKAN KAWALAN MUSIM KEMARAU

- **PBAPP sedang berusaha untuk memastikan bekalan air mencukupi, tanpa catuan, sehingga tiba musim hujan.**
- **Oleh kerana permintaan air yang tinggi, laporan tekanan air rendah atau tiada bekalan air dari 7.00 malam – 11.00 malam diterima daripada pengguna di kawasan tertentu.**

PULAU PINANG, Rabu, 11.3.2020: Kawalan bekalan air ketika cuaca kemarau sedang dilaksanakan di Pulau Pinang untuk memastikan bekalan air mencukupi hingga tiba musim hujan.

Data PBAPP menunjukkan purata penggunaan air harian bagi Pulau Pinang pada Januari 2020 adalah 887 MLD, atau 5.2% lebih tinggi daripada purata penggunaan harian 843 MLD untuk Tahun 2019

Sehingga hari Isnin, 9.3.2020, kapasiti utama empangan utama Pulau Pinang adalah:

Empangan	Kapasiti efektif (%)	Kapasiti efektif (juta liter – ML)
a. Empangan Air Itam	42.7%	922 ML
b. Empangan Teluk Bahang	26.8%	4,880 ML
c. Empangan Mengkuang	70.0%	56,038 ML

Kekurangan hujan sebanyak 61.8% di kawasan tadahannya (berikutan perubahan iklim) dalam tempoh 1.9.2019 – 9.3.2020 adalah punca utama kapasiti efektif Empangan Air Itam rendah, berbanding purata untuk tempoh yang sama 3 tahun sebelumnya.

Begitu juga, sebab utama kapasiti Empangan Teluk Bahang rendah adalah kerana kekurangan hujan sebanyak 49.8% dalam tempoh 1.9.2019 – 9.3.2020, berbanding purata untuk tempoh yang sama 3 tahun sebelumnya.

Sementara itu, paras Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang adalah 1.77m; dan PBAPP masih dapat mengoptimumkan abstraksi air mentah untuk dipam ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Pengeluaran air di LRA Sungai Dua, telah dimaksimumkan pada purata 968.4 MLD dalam tempoh 1.2.2020 hingga 9.3.2020.

Air yang dirawat dari loji ini diagihkan di semua kawasan di Seberang Prai dan juga dipam melalui 2 saluran paip dasar laut berkembar ke Kompleks Kolam Air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di Pulau Pinang, untuk diagihkan seterusnya ke kawasan selatan pulau.

Sekiranya perlu, PBAPP melepaskan air simpanan strategik kemarau iaitu Empangan Mengkuang untuk mengimbangi abstraksi air mentah dari Sungai Muda.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah rendah, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa meminimumkan pengeluaran air mentah dari empangan ini.

PBAPP juga mengurangkan pelepasan dari semua kolam air terawat di negeri ini pada waktu tengah malam hingga 6.00 pagi setiap hari. Ini untuk memastikan semua kolam air mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk bekalan ketika waktu siang.

TEKANAN AIR RENDAH ATAU TIADA BEKALAN AIR SEKEJAP-SEKEJAP DI KAWASAN-KAWASAN TERTENTU

PBAPP telah menerima beberapa laporan “tekanan air rendah” atau “tiada bekalan air” dari pengguna di kawasan berikut di Pulau Pinang dalam

tempoh 2 minggu yang lalu:

Kawasan		Jumlah Akaun Air Terjejas	Tempoh terjejas
1	Balik Pulau (Bukit Penara)	263	7.00 malam hingga 11.00 malam
2	Flat Seri Delima (Sungai Ara)	459	
3	Taman Jesselton	4	
4	Indah Villa Emas (Bayan Lepas)	184	
Jumlah Keseluruhan		910	

Penyebab utama fenomena ini ialah:

- 7.00 malam – 11.00 malam adalah waktu puncak untuk penggunaan air oleh keluarga ketika kebanyakan ahli keluarga berada di rumah.
- Lebih tinggi berbanding permintaan air waktu biasa disebabkan oleh cuaca panas.
- Penggunaan lebih tinggi berbanding kebiasaannya berikutan langkah-langkah pencegahan COVID-19 (kerap mencuci tangan, mandi dan membersihkan rumah).

Oleh kerana penggunaan air yang lebih tinggi ketika “waktu puncak”, yang ada kaitan dengan cuaca panas dan COVID-19, tekanan air di kawasan-kawasan yang berada di tanah tinggi dan di hujung saluran paip bekalan air mungkin akan rendah.

Bukit Penara (Balik Pulau) dan Taman Jesselton diklasifikasi sebagai kawasan tanah tinggi manakala pangsapuri Indah Villa Emas terletak di kawasan “hujung-saluran-paip”. Apabila penggunaan air terlalu tinggi, kawasan ini akan mengalami tekanan air rendah.

Dalam keadaan biasa, PBAPP memberi respons terhadap aduan tekanan air rendah dengan meningkatkan pengeluaran air di Loji Rawatan Air Itam dan Loji Rawatan Air Batu Ferringhi untuk melengkapkan bekalan dari Bukit Dumbar. Walau bagaimanapun, dalam senario musim kering sekarang, PBAPP tidak boleh secara agresif melepaskan simpanan yang rendah dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang untuk membekalkan lebih banyak air mentah kepada loji rawatan air berkenaan.

PBAPP harus mendahulukan objektif utamanya iaitu “tidak ada catuan air dalam apa cara pun” sehingga tiba musim hujan.

Sementara itu, isu Flat Sri Delima Sungai Ara adalah disebabkan oleh senario bekalan “terus ke tangki”. Apabila tekanan air terlalu rendah, air tidak boleh sampai ke tangki di atas bumbung pangsapuri 5 tingkat. Buat masa ini, PBAPP mengerahkan pasukan lori tangki air untuk mengepam air sehingga tangki air Flat Sri Delima sebagai langkah interim, sehingga sistem retikulasi dalaman ditambah baik.

SILA GUNAKAN AIR SECARA BERHEMAH SEHINGGA HUJAN TIBA

Kami memohon maaf kepada semua pengguna yang mengalami “tekanan air rendah” atau “tiada bekalan air” yang sekejap-sekejap di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kami harap kesabaran dan kefahaman daripada semua mereka kerana sebab utamanya adalah permintaan air yang tinggi pada waktu puncak, berikutan keadaan yang luar dari kebiasaan.

Dalam pada itu, PBAPP perlu terus melaksanakan kawalan cuaca kering dengan ketat.

Kami juga ingin mengulangi permintaan kepada semua pengguna air di Pulau Pinang untuk menggunakan air secara berhemah. Harap dapat membantu PBAPP memastikan bekalan air mencukupi untuk semua pengguna air di Pulau Pinang.

Untuk tip-tip jimat air, sila lawati www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my